☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 10/4/2012
Hari: SELASA M/S: 10
Ruangan: RENCANA

≥ PERSPEKTIF

Kenali pemimpin reputasi hebat

Oleh ROHAMI SHAFIE

TIDAKKAH kita ketahui selepas krisis subprima di Amerika Syarikat, pelabur-pelabur mereka amat menitikberatkan reputasi dalam pembuatan keputusan pelaburan sama ada melibatkan negara mahupun syarikat.

Gergasi perbankan mereka tidak lagi mempunyai reputasi hebat meskipun suatu ketika dahulu gah dengan saiz yang cukup besar. Syarikat yang tidak mempunyai reputasi hebat, pelabur-pelabur mereka tidak mempertimbangkan sama sekali sebarang cadangan pelaburan.

Bagi mereka, syarikat sebegini mempunyai risiko yang tinggi. Mereka tidak mahu menanggung risiko dengan membuat pelaburan ke atas syarikat yang bereputasi rendah dan tercemar dengan pelbagai skandal.

Reputasi yang hebat boleh dipanjangkan terhadap aspek kepimpinan. Sebelum memilih pemimpin yang terbaik, reputasinya perlu dikenali. Aspek paling utama melibatkan etika. Dari pandangan agama Islam seseorang pemimpin perlu dilantik di kalangan pemimpin yang berakhlak tinggi dan beradab pada setiap masa.

Tidak siapa yang mahukan pemimpin yang tidak beretika. Sekalipun di barat, masyarakat mereka memegang erat pemimpin yang beretika. Pemimpin yang tidak beretika pastinya ditolak. Desakan akan dibuat agar pemimpin ini dilucutkan jawatan.

Antara ciri-ciri pemimpin yang berakhlak tinggi dan beradab pada setiap masa ialah beliau mestilah sentiasa bercakap benar. Tidak kiralah sama ada perkara itu baik untuk diuar-uarkan mahupun berita buruk, kebenaran menjadi keutamaan. Pemimpin yang berbohong dan tidak menegakkan kebenaran dikelilingi dengan kepalsuan. Realitinya, pemimpin yang suka bercakap bohong akhirnya tidak ke mana.

Lambat laun, orang yang dipimpin akan mengetahuinya sikapnya yang palsu. Contohilah sifat Rasulullah SAW yang tidak pernah berbohong sehinggakan digelar sebagai al-Amin, iaitu seorang yang benar. Pemimpin yang suka berbohong bukan sahaja menghancurkan dirinya tetapi juga menjadikan masyarakatnya hidup dalam serba tidak kena. Pemimpin bukan sahaja wajib bercakap berdasarkan kebenaran tetapi juga bertanggungjawab menyampaikan kebenaran.

Pemimpin yang tidak bercakap benar adalah pemimpin yang tidak amanah dan tidak juga bertanggungjawab atas segala tutur kata dan perbuatannya. Dengan kata mudah, apa sahaja yang diucapkan oleh beliau dengan pelbagai janji, akhirnya tidak ditunaikan dengan perbuatan. Ini kerana memang mudah untuk berkata-kata tetapi bukan mudah untuk melaksanakannya sebaik mungkin.

Pemimpin yang tidak menunaikan kata-katanya akan menyebabkan orang di bawahnya sengsara.

Orang yang dipimpin tidak sesekali lupa atas segala janji yang ditaburkan oleh pemimpin mereka. Setiap "kecurangan" janji menjejaskan reputasi pemimpin tersebut. Itu melambangkan sejauh manakah pemimpin itu amanah dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Reputasi pemimpin juga terletak pada cirinya yang sentiasa mementingkan orang lain. Tidak boleh sesekali mementingkan diri sendiri dengan menggunakan kuasa yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk menjadikan diri dan keluarganya kaya raya, walhal rakyat sengsara dan menderita kesusahan.

Malangnya, kini kita boleh melihat betapa rakusnya pemimpin dunia moden yang hanya mementingkan diri dan keluarga. Mereka ini tidak mempedulikan kesusahan rakyat. Apa yang mereka tahu kuasa yang diamanahkan Allah SWT diguna sebaik mungkin untuk kepentingan diri.

Kuasa yang diamanahkan oleh Allah SWT hanya sia-sia belaka. Nikmat dunia yang dirasai melalaikan pemimpin sebegini. Dalam kemaruk memegang kuasa, pelbagai janji yang dahulunya ditaburkan tidak lagi ditunaikan.

Mereka ini tidak sanggup bersusah payah demi rakyat. Hanya pandai berkata-kata tetapi tidak mampu bekerja demi rakyat. Keluh kesah rakyat hanya digunakan bagi mempertahankan atau mendapatkan kembali kuasa yang hilang. Tidak lagi agenda untuk melindungi rakyat, jauh sekali memajukan orang yang dipimpin.

Mereka akan berasa dirinya hebat tatkala berkuasa, tetapi di mata rakyat diri pemimpin sebegini hanyalah cebisan kain buruk yang hanya menunggu masa untuk ditolak. Pemimpin sebegini hanya mempersia-siakan masa yang diberikan untuk berjuang demi rakyat.

Sudahlah begitu, masa yang dipersia-siakan digunakan untuk menghancurkan kehidupan rakyat. Sebab itulah akhlak dan adab pemimpin yang hebat ialah sentiasa menyayangi rakyatnya. Sentiasa juga mencari jalan penyelesaian membantu rakyatnya. Jalan penyelesaian ini tidak dapat dicetuskan jika sekiranya pemimpin tersebut tidak bijaksana. Dalam mengenali pemimpin yang hebat, kebijaksanaan kunci kepada kejayaan kepimpinan.

Malangnya, seseorang yang diangkat sebagai pemimpin tetapi kurang bijak akan sentiasa dikawal oleh orang di sekelilingnya yang sentiasa mencari kesempatan terhadap peluang yang ada. Betapa pemimpin tersebut akan dimomokkan dengan pelbagai cerita yang menarik sahaja, walhal apa yang berlaku tidak sebegitu. Terpukau dengan kata-kata orang di sekelilingnya, pemimpin tersebut akan lena dibuai mimpi indah kononnya rakyat hidup dengan bahagia.

Kurang kebijaksanaan menjadikan pemimpin sebegini angkuh dan riak dengan kekuasaannya. Sifat angkuh inilah yang menyebabkan kapal Titanic yang diuar-uarkan mempunyai reputasi hebat tetapi akhirnya tenggelam ke dasar laut. Tiada siapa sangka bongkah ais mampu menenggelamkan keangkuhan pencipta Titanic bersama-sama dengan "kebodohan" kaptennya dalam mengemudi Titanic menuju destinasinya.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan dan Felo Penyelidik Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.